

# **KOMUNIKASI LISAN RASULULLAH S.A.W DENGAN PARA SAHABAT : KAJIAN TERHADAP PENGAMALAN KOMUNIKASI DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR.**

NURZATIL ISMAH BINTI AZIZAN  
NOORHAZWANI BINTI ABDUL RAHMAN  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

## **ABSTRAK**

*Komunikasi Nabi Muhammad s.a.w yang sangat berhati-hati dan memiliki strategi yang luar biasa dalam berkomunikasi. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui pengamalan komunikasi lisan dalam kalangan mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kepada 40 orang mahasiswa semester 3 hingga 5, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Jabatan Dakwah. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 21.0 untuk mendapatkan peratusan dan min. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang dipersembahkan dalam bentuk jadual 1, rajah, dan histogram.*

**Kata kunci :** komunikasi lisan Rasulullah s.a.w dengan para sahabat, pengamalan komunikasi dalam kalangan mahasiswa

## **Pengenalan**

Komunikasi merupakan proses memberi makna dan berupaya mempengaruhi seseorang untuk mempercayai dan melakukan sesuatu seperti yang dikehendaki. Kemahiran berkomunikasi turut menjadi salah satu aspek utama yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dan kebersediaan pelajar menempuh alam pekerjaan. Proses pembelajaran berkesan melibatkan proses interaksi yang memberi ruang kepada pelajar untuk berkomunikasi, saling membantu, menjalankan tanggungjawab, membina keyakinan diri, dan seumpamanya. Ia dijalankan dalam suasana yang menarik dan menyeronokkan supaya dapat menjadi pendorong kepada pelajar bagi menyalurkan pendapat dan fikiran secara berkesan. Selain itu, komunikasi berkesan turut mempengaruhi aspek kemahiran sosial untuk mengharungi persekitaran dan mengawal diri dalam menghadapi cabaran bagi mencapai dan meningkatkan kecemerlangan diri untuk masa hadapan.

Kemahiran komunikasi adalah suatu kebolehan untuk mewujudkan interaksi atau hubungan melalui medium perantara atau sebaliknya dengan orang lain. Kemahiran komunikasi ini meliputi kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar, etika dalam berkomunikasi, dan juga mempunyai kaitan dengan penggunaan teknologi

(Nussabaum, 2007). Berdasarkan kepada arus globalisasi kini, kemahiran komunikasi telah menjadi suatu aspek penting yang dititikberatkan supaya dikuasai oleh setiap individu. Menurut Sulaiman (2001), proses komunikasi merupakan tunjang utama dan tidak dapat dielakkan bagi seseorang itu dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Ini kerana, proses ini akan terjadi dengan sendirinya apabila wujudnya interaksi antara dua individu tanpa dapat dielakkan.<sup>1</sup>

## 1.0 Kecerdasan komunikasi Rasulullah SAW

Muhammad SAW, adalah peribadi yang sangat mengagumkan sekaligus seorang pemimpin yang luar biasa. Peribadi baginda sangat mengagumkan kerana pada dirinyalah semua karakter sebaik-baik manusia yang dapat dilihat secara zahir. Rasulullah SAW merupakan pemimpin yang luar biasa kerana baginda berjaya mengembangkan kepimpinannya. Bukan hanya sebagai pemimpin dakwah (agama secara formal), melainkan sebagai pemimpin sosial, politik, hukum, ketenteraan, pemerintahan, dan juga sebagai pemimpin dalam keluarga baginda.

Dalam setiap interaksi sosial pasti berlaku proses komunikasi. Dalam proses interaksi itulah kita dapat mengkaji peribadi dan kepimpinan Rasulullah SAW, melalui pesan-pesan yang ditunjukkan baginda, baik pesan secara lisan (*verbal*) mahupun pesan yang tersirat atau terkandung di dalam sikap dan tindakan tertentu (*nonverbal*) yang diteladankan baginda.

### 1.1 Pembentukan diri sebagai komunikator yang berkredibiliti dan cekap

Rasulullah SAW, digelar oleh kaumnya dengan sebutan “*Al-Amin*” sebelum beliau diangkat sebagai nabi dan rasul. Kebiasaannya yang selalu jujur, baik dalam ucapan mahupun tindakan, membuat baginda digelar sebagai “*Al-Amin*”. Baginda membina karakter ini jauh sebelum dirinya bergerak di tengah-tengah kaumnya dalam membawa misi dan visi Islam untuk dikomunikasikan kepada mereka dan seluruh manusia. Allah SWT.,<sup>2</sup> berfirman:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

“Sesungguhnya, Engkau (Muhammad SAW) mempunyai akhlak yang agung.”  
(QS. Al-Qalam: 4)

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾

“Wahai Rasulullah, sesungguhnya Kami mengutusmu untuk menjadi saksi, dan membawa khabar gembira, dan memberi peringatan.”  
(QS. Al-Ahzab: 45)

Apabila “*Al-Amin*” berkenaan dengan kredibilitinya sebagai peribadi, maka ketika menjadi nabi dan rasul, baginda menjadi seorang pemimpin yang mempunyai

<sup>1</sup> Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang, (2014), Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (*Malay Language Education Journal – MyLEJ*), Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014) : 44-56

<sup>2</sup> M. Najmi Fathoni, M.IK, 2017. *Seni Cerdas Meraih Sukses dan Bahagia Melalui Komunikasi Panduan Menjadi Komunikator Ulung: Strategi Komunikasi Model Sang Nabi, Mengupas kecerdasan Komunikasi Nabi Muhammad SAW*. Jakarta: PT Gramedia. Hlm. 14

pelbagai kemampuan (cekap). Namun demikian, kedua karakteristik tersebut (berkredibiliti dan cekap) merupakan satu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan dalam diri Rasulullah SAW.<sup>3</sup>

Melalui wahyu-wahyu yang diterima Rasulullah SAW, daripada Allah SWT, baginda menjadi salah seorang tokoh komunikator yang dipercayai dan berkemampuan dalam banyak perkara, antaranya; agama, tuhan, dan berbicara tentang berbagai persoalan yang berkaitan hubungan antara sesama manusia, baik dalam hal kekeluargaan, ekonomi, sosial, politik, ketenteraan, dan hukum-hakam. Dalam suatu perkataan singkat, padan, dan sarat dengan pemahaman mengenai peribadi dan peranan kepimpinan dengan kedua karakter baginda tadi. Begitu pula dengan sifat-sifat baginda yang begitu lemah lembut tetapi tegas, pembawaannya yang tenang dalam pelbaga situasi dan keadaan, serta sifat-sifat lain yang menunjukkan kewibawaan dan karisma baginda.<sup>4</sup>

### **1.2 Memerhatikan sasaran pendengar**

Sasaran pendengar (komunikan) bersifat pelbagai. Mereka berbeza usia, tingkat pengetahuan, kecerdasan, budaya dan karakteristik. Oleh kerana, adanya kepelbagaian tersebut, maka proses penyampaian mesej-mesejnya sesuai dengan diri komunikan agar mereka dapat menerima, memahami dan boleh memberi respon.

Dalam suatu hadith, ditegaskan bahawa Rasulullah SAW, bersabda, “Tidakkah engkau mengatakan satu perkataan kepada suatu kaum (orang-orang) yang akal mereka belum memahami perkataan tersebut, melainkan sebahagian mereka akan ditimpakan fitnah.” (HR Muslim).

Berdasarkan pemahaman terhadap hadith ini, maka karakteristik komunikan perlu dikelaskan sebelum suatu mesej disampaikan kepadanya. Tujuannya sebagai upaya agar mesej dapat diterima dan difahami dengan baik, sesuai dengan kemampuan dan pengetahuan mereka.<sup>5</sup>

### **1.3 Tindak balas yang diharapkan**

Keberhasilan penyampaian mesej dari komunikator dapat dilihat dari tindak balas yang ditunjukkan oleh komunikannya. Apabila tindak balas seperti yang diharapkan oleh komunikator maka proses komunikasi ini berhasil. Sebaliknya, apabila tindak balas tidak seperti yang diharapkan komunikator atau bertentangan, maka proses komunikasi yang dilalui komunikator belum berjaya atau boleh dianggap gagal.

Melalui proses komunikasi, ianya boleh berlaku secara langsung atau secara berulang-ulang dan dapat ditujukan kepada komunikan yang sama, maka tindak balas komunikan yang tadi boleh berubah menjadi positif dan mengikut kehendak komunikator.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm.15

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 16

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 20

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 21

#### 1.4 Berserah diri kepada Allah SWT (Tawakal)

Sehebat mana kredibiliti dan kecekapan komunikator, atau strategi dan proses penyampaian mesej dilakukan, walau bagaimanapun dalam memahami diri komunikan, dan mesej yang pelbagai disampaikan tidak menjamin bahawa tindak balas yang diharapkan komunikator wujud.

Dari proses-proses komunikasi yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, selain terbukti berjaya mengajak orang beriman dan mengikuti kepimpinannya, namun tidak sedikit pula orang yang meresponnya dengan penolakan, bahkan bantahan terhadap baginda. Namun mengingat mesej-mesej akan kebenaran yang baginda sampaikan kepada mereka, Allah SWT tidak menyebutnya sebagai kegagalan Rasulullah SAW, dalam berkomunikasi.<sup>7</sup>

قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُ لَيَحْزُنُكَ الَّذِي يَقُولُونَ فَإِنَّهُمْ لَا يُكَذِّبُونَكَ وَلَكِنَّ الظَّالِمِينَ بَاءِيتِ  
اللَّهُ تَجَحَّدُونَ ﴿٣٣﴾

“Sesungguhnya Kami tahu bahawa apa yang mereka katakan itu menyedihkanmu, (tetapi janganlah bersedih) kerana mereka itu sebenarnya bukan mendustakanmu, akan tetapi orang-orang yang zalim itu telah mengingkari ayat-ayat Allah SWT.” (QS Al-An’am: 33)

Setiap komunikator tidak memiliki kekuasaan untuk menentukan tindak balas yang diharapkan pada diri komunikan, maka bertawakal kepada pertolongan Allah SWT merupakan cara terbaik setelah proses komunikasi yang dilalui dengan baik. Tawakal bukanlah sikap pasrah tanpa ikhtiar dan melakukan upaya yang baik, melainkan berserah diri kepada Allah SWT setelah berikhtiar dan pelbagai usaha dilakukan.<sup>8</sup>

#### 2.0 Karakteristik Komunikasi Rasulullah SAW dalam Hadith

- i. Menyampaikan mesej yang jelas, tidak mengandungi kesamaran dan dapat difahami maksudnya. Seperti yang dapat dilihat dalam hadith riwayat Bukhari, Aisyah r.a: “Rasulullah SAW tidak pernah berbicara cepat dan terburu-buru atau samar seperti kalian” (Al-Handzalii, 1991:983).
- ii. Ucapannya memuat kebenaran berlaku jujur,
- iii. Menyampaikan dengan kata-kata yang lembut

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، قَالَ: حَدَّثَنِي  
أَبُو التَّيَّاحِ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «يَسْرُوا وَلَا  
تُعَسِّرُوا، وَبَشِّرُوا، وَلَا تُنْفِرُوا»

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 22

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 22

Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Basysyar berkata, telah menceritakan kepada kami Yahya bin Sa'id berkata, telah menceritakan kepada kami Syu'bah, telah menceritakan kepadaku Abu At Tayyah dari Anas bin Malik dari Rasulullah SAW bersabda: "Permudahkanlah dan jangan kalian persulit dan gembirakanlah dan jangan kalian buat mereka lari" (H.R Bukhari, 1987:27).

Dari Abu Dzar r.a, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

تَبَسُّمُكَ فِي وَجْهِ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ

"Senyummu di hadapan saudaramu (muslim) adalah (bernilai) sedekah bagimu"  
(At-Tharmidzi, 1987:339)<sup>9</sup>

Hadith agung ini menunjukkan keutamaan tersenyum dan menampakkan muka manis di hadapan seorang muslim, hadith ini sama makna dengan sabda Rasulullah SAW dalam hadith lain, "Janganlah sekali-kali engkau menganggap remeh suatu perbuatan baik, meskipun (perbuatan baik itu) dengan engkau menjumpai saudaramu (muslim) dengan wajah yang ceria".<sup>10</sup>

Keutamaan dalam hadith ini lebih dikuatkan dengan perbuatan Rasulullah SAW sendiri, sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat yang mulia, Jarir bin Abdullah al-Bajali r.a, dia berkata, "Rasulullah SAW tidak pernah melarangku untuk menemui belia sejak aku masuk Islam, dan baginda SAW, tidak pernah memandangku kecuali dalam keadaan tersenyum di hadapanku".<sup>11</sup>

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يَا عَائِشَةُ إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرَّفْقَ وَ يُعْطِي عَلَى الرَّفْقِ مَا لَا يُعْطِي عَلَى الْعُنْفِ وَمَا لَا يُعْطِي عَلَى مَا سِوَاهُ

Dari 'Aisyah r.a, isteri Rasulullah SAW bersabda : "Hai Aisyah, sesungguhnya Allah s.w.t itu Maha lemah lembut mencintai kelembutan dan memberi atas orang yang lemah lembut sesuatu yang tidak diberikan kepada orang yang keras dan sesuatu yang tidak diberikan atas lainnya" (HR. Muslim, 1983:22).

- iv. Perkataan Rasulullah SAW menyesuaikan dengan situasi dan keadaan yang merangkumi pendengar, dan sesuai dengan kemampuan intelektual pendengar.

أَكَلَّمْتُ النَّاسَ بِقَدْرِ عُقُولِهِمْ

"Aku berbicara dengan mereka (manusia) berdasarkan kadar kemampuan akal mereka" (Al-Ashbahi, 1991:24).

<sup>9</sup> HR Al-Tharmidzi (no. 1956), Ibnu Hibban (no. 474 dan 529) dll, dinyatakan sahih oleh Ibnu Hibban, dan dinyatakan hasan oleh Al-Tarmidzi dan Syeikh Al-Albani dalam "ash-Shahihah" (no. 572).

<sup>10</sup> HR Muslim (no. 2626).

<sup>11</sup> HR Al-Bukhari (no. 5739) dan HR Muslim (no.2475).

- v. Komunikasi Rasulullah SAW selalu menggunakan strategi sehingga tidak bersifat jenuh,

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «يَتَحَوَّلُنَا بِالْمَوْعِظَةِ فِي الْأَيَّامِ، كَرَاهَةَ السَّامَةِ عَلَيْنَا»

“Dari Ibnu Mas’ud, berkata : Adalah Rasulullah SAW tidak terus menerus menyampaikan nasihat/pengajaran kepada kami, agar kami tidak merasa jenuh/bosan” (Al-Bukhari, 1987:38).

Kesimpulan

Sesungguhnya proses komunikasi yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW melibatkan unsur-unsur komunikasi diatas, unsur-unsur komunikasi tersebut diterapkan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian baginda. Selain itu juga, prinsip-prinsipnya dapat diikuti oleh kita dan menjadi salah suatu strategi komunikasi yang baik untuk diterapkan.

Semua bukti akan kejayaan dan kehebatan Rasulullah SAW, baik dari segi peribadi mahupun kepimpinan baginda, tentunya tidak terlepas dari kecerdasan komunikasi baginda dalam menyampaikan ajaran Islam dan misi kepimpinannya sebagai seorang pemimpin.

Komunikasi Rasulullah SAW dalam hadith-hadith nabi dengan menggunakan pendekatan hermeneutika (proses mengubah sesuatu atau situasi yang tidak diketahui menjadi mengerti), dapat disimpulkan bahawa nabi memiliki strategi komunikasi yang berbeza dalam setiap komunikasi.